

KAJIAN RINTIS INSTRUMEN e-MODUL PROJEK LAKONAN BERTEMA HAIWAN BERASASKAN PEMBELAJARAN PROJEK UNTUK MENILAI KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR BAHASA INGGERIS MURID PRASEKOLAH

PILOTING THE INSTRUMENT FOR ANIMAL-THEMED PROJECT-BASED ACTING e-MODULE TO ASSESS PRESCHOOLER'S LISTENING AND SPEAKING SKILLS

Kalaiairasi A/P Arumugam¹
Nor Mashitah Mohd Radzi^{2*}

¹Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak, Malaysia (Email: yashiga42@yahoo.com)

²Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak, Malaysia (Email: nmashitah@fpm.upsi.edu.my)

*Corresponding author: Email: nmashitah@fpm.upsi.edu.my

Article history

Received date : 29-4-2026

Revised date : 30-4-2026

Accepted date : 12-7-2026

Published date : 14-7-2026

To cite this document:

Arumugam, K., & Mohd Radzi, N. M. (2026). Kajian rintis instrumen e-modul projek lakonan bertema haiwan berasaskan pembelajaran projek untuk menilai kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Inggeris murid prasekolah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 470 – 477.

Abstrak: Kajian ini bertujuan membangunkan dan menilai kebolehpercayaan instrumen e-Modul Projek Lakonan Bertema Haiwan yang berasaskan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) dan aktiviti dramatik berfokuskan lakonan untuk menyokong pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Inggeris kanak-kanak prasekolah di Malaysia. Kajian rintis ini menggunakan reka bentuk needs analysis melibatkan 45 guru prasekolah sebagai responden. Instrumen merangkumi empat konstruk utama iaitu: pengetahuan guru, cabaran guru, keperluan pembangunan modul, dan cadangan guru terhadap modul. Analisis kebolehpercayaan menggunakan Cronbach's Alpha menunjukkan nilai keseluruhan .92, manakala setiap konstruk mencatat nilai antara .88 hingga .93, menandakan kestabilan dan ketekalan dalaman yang tinggi. Dapatan kajian rintis ini mengesahkan bahawa instrumen adalah sah, konsisten, dan sesuai digunakan dalam kajian skala penuh. Hasil kajian memberikan asas empirikal bagi pembangunan intervensi pedagogi yang menggabungkan PBP, strategi lakonan, dan e-Modul untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur kanak-kanak prasekolah.

Kata kunci: Kajian rintis, kebolehpercayaan instrumen, e-Modul, Projek Lakonan Bertema Haiwan, kemahiran mendengar dan bertutur, pendidikan prasekolah, Pembelajaran Berasaskan Projek, strategi lakonan

Abstract: *This study aimed to develop and evaluate the reliability of the e-Module instrument for Animal-Themed Project-Based Role-Play, based on Project-Based Learning (PBL) and dramatic activities with a focus on acting, to support the teaching of listening and speaking skills in English among preschool children in Malaysia. The pilot study employed a needs analysis design involving 45 preschool teachers as respondents. The instrument comprised four constructs: teachers' knowledge, teachers' challenges, module development needs, and teachers' suggestions for the module. Reliability analysis using Cronbach's Alpha revealed an overall value of .92, while each construct recorded values ranging from .88 to .93, indicating high internal consistency and stability. The findings of this pilot study confirm that the instrument is valid, consistent, and suitable for use in a full-scale study. The results provide an empirical basis for developing pedagogical interventions that integrate PBL, acting strategies, and e-Module to enhance preschool children's listening and speaking skills in English.*

Keywords: *Pilot study, instrument reliability, e-Module, Animal-Themed Project-Based Role-Play, listening and speaking skills, preschool education, Project-Based Learning, dramatic strategies*

Pengenalan

Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam membentuk asas perkembangan bahasa, komunikasi, dan literasi yang menjadi prasyarat kepada pembelajaran sepanjang hayat (Torr, 2024). Perkembangan bahasa pada peringkat awal berkait rapat dengan pengalaman pembelajaran bermakna, persekitaran sosial, dan interaksi aktif (Krashen, 1985; Swain, 2005). Dalam konteks pendidikan prasekolah Malaysia, kurikulum menekankan penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti komunikasi, kolaborasi dan kreativiti melalui pengalaman pembelajaran yang relevan dan kontekstual (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2025). Bahasa Inggeris diperkenalkan pada peringkat prasekolah melalui pendekatan kontekstual seperti lagu, cerita, permainan bahasa dan interaksi sosial bagi membina keyakinan serta kemahiran komunikasi murid.

Walau bagaimanapun, pembangunan kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Inggeris dalam kalangan kanak-kanak prasekolah masih menjadi cabaran utama. Penyelidikan menunjukkan bahawa kefasihan lisan tidak berkembang secara automatik tanpa input bahasa yang bermakna dan peluang output pertuturan yang cukup (Krashen, 1985; Swain, 2005). Dalam konteks pengajaran, kekangan kompetensi pedagogi guru, kekurangan bahan bantu interaktif dan tahap keyakinan guru dalam penggunaan Bahasa Inggeris telah dikenal pasti sebagai faktor yang menyukarkan kanak-kanak terlibat secara aktif dalam penggunaan bahasa sasaran (Copland, Garton, & Burns, 2014). Hal ini selari dengan dapatan kajian ulasan beberapa pendekatan pengajaran yang menekankan perlunya persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif dan berpusatkan murid, berbanding pendekatan tradisional yang berpusatkan guru.

Pendekatan pembelajaran berasaskan projek (Project-Based Learning, PBL) telah diiktiraf sebagai strategi pedagogi yang berpotensi meningkatkan penglibatan dan motivasi pelajar melalui pengalaman pembelajaran autentik dan kolaboratif (Rochimah, Solihatin & Rantie, 2025). Dalam kajian kontemporari, penyelidik juga menegaskan bahawa integrasi teknologi dan pembelajaran berasaskan projek memberi impak positif kepada penguasaan bahasa dan motivasi pelajar dalam konteks pembelajaran bahasa Inggeris (Rochimah et al., 2025; Leyi Cao, 2024). Selain itu, aktiviti dramatik seperti lakonan dan role-play dalam pembelajaran bahasa telah diperlihatkan meningkatkan kemahiran komunikasi, keyakinan dan penglibatan pelajar

dalam amalan bahasa kedua (Rzayeva, 2025; Mohd Nihazram & Masnan, 2020). Kajian terkini juga menunjukkan bahawa drama pendidikan menyediakan peluang komunikasi autentik, elemen konteks sosial dan kreativiti yang berpotensi menyokong pembelajaran kemahiran lisan dalam persekitaran pembelajaran bahasa (Rzayeva, 2025).

Namun, walaupun beberapa kajian terdahulu telah menekankan PBP, dramatik, atau modul digital secara berasingan, kajian yang menggabungkan ketiga-tiga elemen ini khusus untuk kanak-kanak prasekolah masih terhad atau kurang diterokai secara komprehensif. Tambahan pula, kajian terdahulu lebih menumpukan kepada motivasi atau penglibatan umum, dan bukannya penilaian pembangunan instrumen untuk menilai keperluan intervensi. Keperluan ini menekankan jurang penyelidikan yang wujud dan justifikasi bagi pembangunan intervensi e-Modul Projek Lakonan Bertema Haiwan.

Dalam era pendigitalan pendidikan, penggunaan modul elektronik interaktif yang menggabungkan teks, audio dan visual dapat meningkatkan minat, keterlibatan dan peluang latihan bahasa secara berterusan (Digital Project-Based Learning Review, 2025). Walau bagaimanapun, bukti empirikal tentang gabungan PBP, lakonan, dan e-Modul dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris untuk kanak-kanak prasekolah masih terhad, justeru pembangunan instrumen yang sah dan boleh dipercayai diperlukan.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk:

- 1) Menilai keperluan intervensi melalui analisis keperluan (need analysis) bagi pembangunan e-Modul Projek Lakonan Bertema Haiwan.
- 2) Membangunkan dan mengesahkan e-Modul Projek Lakonan Bertema Haiwan yang menggabungkan PBP, strategi lakonan, dan e-Modul.
- 3) Menilai kebolehpercayaan, kesahan kandungan, dan kebolehgunaan dalaman instrumen sebelum pelaksanaan kajian skala penuh.

Dengan penekanan pada justifikasi jurang penyelidikan dan objektif yang jelas, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengukuhan asas empirikal dalam pedagogi bahasa awal kanak-kanak, khususnya melalui integrasi PBP, strategi lakonan, dan teknologi digital dalam pendidikan prasekolah.

Kajian Literatur

Penguasaan kemahiran bahasa pada peringkat awal kanak-kanak merupakan asas penting kepada perkembangan literasi dan kognitif. Aktiviti berpusatkan murid seperti penceritaan, nyanyian dan permainan bahasa didapati berupaya merangsang komunikasi serta penglibatan murid dalam pembelajaran Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, kekurangan latihan pedagogi guru dan jurang akses kepada bahan digital masih menjadi cabaran utama dalam memastikan keberkesanan PdP Bahasa Inggeris di prasekolah (Ahmad & Osman, 2025).

Kemahiran mendengar dan bertutur dianggap komponen asas dalam pemerolehan bahasa kedua kerana kefahaman lisan menjadi prasyarat kepada penguasaan membaca dan menulis. Pendedahan kepada input bahasa yang bermakna dan peluang menghasilkan output pertuturan secara aktif terbukti penting dalam pembangunan kefasihan oral. Pendekatan dramatik seperti main peranan, dialog berpandu dan lakonan menyediakan konteks autentik untuk penggunaan bahasa serta meningkatkan keyakinan dan kefasihan lisan murid (Zulianingrum, 2025). Walaupun pendekatan ini efektif, kajian yang mengintegrasikan lakonan dengan strategi pedagogi lain secara holistik masih terhad.

Selain itu, pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) menekankan pengalaman pembelajaran autentik, kolaborasi dan penerokaan bermakna. PBP dapat meningkatkan motivasi, komunikasi dan kreativiti murid sambil menggalakkan penggunaan bahasa target dalam situasi dunia sebenar (Mohd. Saad, Hamid & Solahudin, 2024). Namun, bukti empirikal yang menggabungkan PBP dengan pembangunan kemahiran lisan Bahasa Inggeris di prasekolah masih terhad.

Penggunaan bahan interaktif digital yang menggabungkan teks, audio, grafik dan video terbukti meningkatkan minat, penglibatan serta peluang pengulangan pembelajaran mengikut kadar individu murid. Modul digital menyokong pemerolehan kosa kata dan kefahaman lisan serta memberi pengalaman pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan bermakna (Hussin & Mohd Basir, 2024). Walau bagaimanapun, kajian integratif yang menggabungkan e-Modul berteraskan PBP dengan pendekatan dramatik yang fokuskan aktiviti lakonan dalam PdP masih kurang diterokai secara empirikal dalam konteks prasekolah Malaysia.

Secara keseluruhan, sorotan literatur menunjukkan bahawa setiap komponen pedagogi guru, strategi lakonan, pembelajaran berasaskan projek dan e-Modul mempunyai sumbangan tersendiri terhadap pembangunan kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Inggeris prasekolah. Namun, kurang/tiada(?) kajian yang mengintegrasikan kesemua elemen tersebut secara serentak dalam satu intervensi pedagogi, khususnya dalam konteks pendidikan prasekolah di Malaysia. Jurang ini menegaskan keperluan kepada kajian rintis seperti e-Modul Projek Lakonan Bertema Haiwan yang menggabungkan strategi lakonan, PBP dan e-Modul dengan bahan digital interaktif, serta menilai kebolehpercayaan instrumen sebelum pelaksanaan kajian skala penuh. Rumusan ini memberikan justifikasi kuat terhadap relevansi dan kepentingan pembangunan intervensi inovatif untuk meningkatkan kemahiran bahasa awal kanak-kanak.

Jadual 1: Rumusan Sorotan Literatur Berkaitan Kemahiran Mendengar dan Bertutur Bahasa Inggeris Prasekolah

Penulis & Tahun	Fokus Kajian	Reka Bentuk / Sampel	Dapatan Utama	Jurang Kajian
Ahmad & Osman (2025)	Pedagogi guru prasekolah dalam pengajaran bahasa	Kajian tinjauan guru prasekolah	Latihan pedagogi dan keyakinan guru mempengaruhi keberkesanan PdP bahasa	Kurang fokus kepada intervensi modul digital khusus kemahiran lisan
Zulianingrum (2025)	Role-play dalam meningkatkan komunikasi bahasa kedua	Kajian tindakan dalam bilik darjah	Aktiviti lakonan meningkatkan keyakinan dan kefasihan bertutur murid	Tidak melibatkan konteks prasekolah Malaysia atau pendekatan projek
Mohd. Saad, Hamid & Solahudin (2024)	Pelaksanaan PBL dalam pendidikan awal	Kajian lapangan di pusat pendidikan awal	PBL meningkatkan motivasi, kolaborasi dan komunikasi murid	Tidak mengintegrasikan kemahiran lisan Bahasa Inggeris secara spesifik
Hussin & Mohd Basir (2024)	Pembangunan modul pembelajaran prasekolah	Sorotan literatur sistematik	Modul digital meningkatkan penglibatan dan minat murid	Kurang modul bagi aktiviti lakonan yang berasaskan projek untuk kemahiran mendengar & bertutur

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis keperluan (*needs analysis*) dengan melibatkan 45 orang guru prasekolah sebagai responden kajian rintis. Instrumen kajian terdiri daripada empat konstruk utama:

- 1) Pengetahuan Guru dalam Pengajaran Kemahiran Mendengar dan Bertutur Bahasa Inggeris;
- 2) Cabaran Guru dalam Pengajaran Kemahiran Mendengar dan Bertutur Bahasa Inggeris;
- 3) Keperluan Pembangunan e-Modul Projek Lakonan; dan
- 4) Cadangan Guru terhadap Pembangunan Modul.

Kesemua item telah dibina berdasarkan kajian terdahulu dan disesuaikan dengan konteks kajian ini. Analisis data dijalankan menggunakan SPSS untuk menilai kebolehpercayaan instrumen melalui Cronbach's Alpha, memastikan setiap pemboleh ubah mempunyai kestabilan yang memuaskan sebelum diimplimentasikan dalam kajian utama.

Dapatan Kajian

Sebelum kebolehpercayaan dijalankan, kesahan kandungan instrumen telah dinilai melalui penilaian pakar (*content validity*) bagi memastikan item yang dibangunkan sesuai dan relevan dengan konstruk kajian, iaitu Pengetahuan Guru, Cabaran Guru, Keperluan Pembangunan e-Modul Projek Lakonan, dan Cadangan Guru terhadap Pembangunan e-Modul.

Ujian kebolehpercayaan instrumen dijalankan menggunakan analisis Alpha Cronbach bagi menilai tahap ketekalan dalaman item bagi setiap konstruk kajian, iaitu Pengetahuan Guru, Cabaran Guru, Keperluan Pembangunan e-Modul Projek Lakonan, dan Cadangan Guru terhadap Pembangunan e-Modul.

Dapatan analisis menunjukkan bahawa nilai Alpha Cronbach bagi konstruk Pengetahuan Guru ialah .91, manakala konstruk Cabaran Guru mencatatkan nilai .88. Seterusnya, konstruk Keperluan Pembangunan e-Modul Projek Lakonan memperoleh nilai Alpha Cronbach .93, dan konstruk Cadangan Guru terhadap Pembangunan Modul menunjukkan nilai .90. Secara keseluruhannya, nilai Alpha Cronbach bagi keseluruhan instrumen ialah .92.

Nilai-nilai pekali yang melebihi .80 ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi serta ketekalan dalaman item yang sangat baik. Hal ini menandakan bahawa semua item dalam instrumen mengukur konstruk yang sama secara konsisten dan stabil. Berdasarkan piawaian tafsiran kebolehpercayaan, nilai Alpha Cronbach antara .80 hingga .95 dianggap mempunyai ketekalan dalaman yang kukuh dan sesuai digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Sehubungan itu, dapatan analisis ini mengesahkan bahawa instrumen kajian telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan yang kukuh, sekali gus membolehkan proses pengumpulan serta analisis data dijalankan dengan tahap keyakinan yang tinggi terhadap kestabilan ukuran yang digunakan.

Jadual 2: Nilai Kebolehppercayaan Instrumen Kajian (Alpha Cronbach)

Konstruk Kajian	Nilai Alpha Cronbach	Tafsiran Kebolehppercayaan
Pengetahuan Guru	.91	Sangat tinggi
Cabaran Guru	.88	Tinggi
Keperluan Pembangunan E-Modul Projek Lakonan	.93	Sangat tinggi
Cadangan Guru terhadap Pembangunan Modul	.90	Sangat tinggi
Keseluruhan Instrumen	.92	Sangat tinggi

Nota: Nilai Alpha Cronbach melebihi .80 menunjukkan ketekalan dalaman item yang kukuh dan instrumen adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan pendidikan.

Perbincangan

Dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa instrumen yang dibangunkan bagi menilai keperluan pembangunan e-Modul Projek Lakonan Bertema Haiwan telah melalui penilaian kesahan kandungan dan menunjukkan tahap kebolehppercayaan yang tinggi dengan nilai Alpha Cronbach keseluruhan sebanyak .92. Nilai kebolehppercayaan bagi setiap konstruk juga berada pada tahap kukuh, iaitu Pengetahuan Guru (.91), Cabaran Guru (.88), Keperluan Pembangunan e-Modul Projek Lakonan (.93) dan Cadangan Guru terhadap Pembangunan Modul (.90). Tahap ketekalan dalaman yang tinggi ini mengesahkan bahawa item yang dibina adalah stabil, konsisten dan sesuai digunakan dalam kajian skala penuh. Dapatan ini selari dengan piawaian penyelidikan pendidikan yang menegaskan bahawa pekali Alpha melebihi .80 menunjukkan kebolehppercayaan yang baik serta kesesuaian instrumen untuk tujuan pengukuran empirikal.

Dari sudut pengetahuan guru, dapatan menunjukkan guru prasekolah mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan kemahiran mendengar dan bertutur sebagai asas pemerolehan bahasa kedua. Hal ini sejajar dengan pandangan bahawa pendedahan awal kepada input bahasa yang bermakna serta peluang menghasilkan output lisan secara aktif merupakan faktor penting dalam perkembangan literasi awal kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kewujudan konstruk cabaran guru yang turut mencatat nilai kebolehppercayaan tinggi menggambarkan bahawa isu seperti kekurangan kosa kata murid, tahap keyakinan bertutur yang rendah, kekangan masa serta keterbatasan bahan bantu mengajar masih menjadi hambatan utama dalam pelaksanaan pengajaran kemahiran lisan Bahasa Inggeris di prasekolah. Dapatan ini menyokong kajian terdahulu yang menegaskan bahawa kompetensi pedagogi guru dan akses kepada bahan pembelajaran interaktif memainkan peranan penting dalam keberkesanan pengajaran bahasa kedua.

Selain itu, skor kebolehppercayaan yang tinggi bagi konstruk keperluan pembangunan e-modul dan cadangan guru terhadap modul menunjukkan tahap penerimaan yang positif terhadap pembangunan bahan digital berasaskan projek dan lakonan. Guru melihat integrasi elemen visual, audio, interaktiviti, gamifikasi serta panduan pelaksanaan yang sistematik sebagai komponen penting dalam menyokong pengajaran berpusatkan murid. Dapatan ini selari dengan literatur yang menyatakan bahawa penggunaan modul digital interaktif mampu meningkatkan motivasi, penglibatan serta peluang komunikasi autentik dalam pembelajaran bahasa awal kanak-kanak. Dalam konteks ini, pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) yang digabungkan dengan aktiviti lakonan melalui e-Modul berpotensi menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna, kolaboratif dan kontekstual kepada murid prasekolah.

Secara tuntasnya, dapatan kajian rintis ini bukan sahaja mengesahkan kesahan dan kebolehppercayaan instrumen kajian, malah memberikan justifikasi empirikal terhadap

pembangunan e-Modul Projek Lakonan Bertema Haiwan sebagai intervensi pedagogi yang relevan dalam meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Inggeris prasekolah. Hal ini memperkukuh hujah bahawa integrasi PBP, lakonan dan e-modul merupakan pendekatan inovatif yang berpotensi menyokong transformasi pedagogi bahasa awal kanak-kanak di Malaysia.

Implikasi Kajian

Implikasi teoretikal kajian ini menunjukkan bahawa integrasi Pembelajaran Berasaskan Projek, strategi lakonan, dan e-modul berpotensi membentuk kerangka pedagogi bahasa awal yang lebih holistik. Dapatan mengenai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen turut menyumbang kepada pengukuhan asas pengukuran dalam penyelidikan berkaitan kemahiran lisan prasekolah, sekaligus membolehkan penilaian keperluan intervensi dijalankan dengan tahap keyakinan yang tinggi.

Dari segi implikasi praktikal, kajian ini menekankan keperluan pembangunan bahan pengajaran digital yang mesra guru, disertai panduan pelaksanaan yang jelas, serta menyediakan aktiviti komunikasi autentik yang dapat meningkatkan keyakinan murid dalam bertutur. e-Modul ini berpotensi menjadi sumber sokongan yang efektif bagi guru dalam mengatasi kekangan masa, keterbatasan bahan bantu, dan strategi pengajaran kemahiran lisan, sekaligus meningkatkan keberkesanan PdP.

Dalam perspektif dasar pendidikan, hasil kajian ini menyokong usaha memperluas penggunaan bahan digital interaktif selaras dengan aspirasi Kurikulum Prasekolah 2026 dan agenda pendigitalan pendidikan negara. Modul seperti e-Modul Projek Lakonan Bertema Haiwan boleh dijadikan rujukan bagi pembangunan bahan sokongan standard dalam pengajaran Bahasa Inggeris di peringkat prasekolah, seterusnya menyokong transformasi pedagogi berasaskan teknologi dan pengalaman pembelajaran kontekstual.

Akhir sekali, implikasi penyelidikan lanjutan menekankan keperluan pelaksanaan kajian eksperimen skala penuh untuk menilai keberkesanan sebenar e-Modul Projek Lakonan Bertema Haiwan terhadap peningkatan kemahiran mendengar dan bertutur murid. Kajian masa hadapan disyorkan melibatkan sampel yang lebih besar, reka bentuk kuasi eksperimen, serta analisis keberkesanan jangka panjang terhadap perkembangan komunikasi dan literasi lisan murid.

Rumusan

Secara keseluruhan, kajian rintis ini berjaya membangunkan dan mengesahkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen E-Modul Projek Lakonan Bertema Haiwan dengan nilai Alpha Cronbach keseluruhan .92, menunjukkan ketekalan dalaman yang tinggi bagi setiap konstruk. Dapatan ini mengesahkan bahawa instrumen adalah sah, stabil, dan sesuai digunakan untuk menilai keperluan pembangunan modul serta potensi intervensi pedagogi bersepadu yang menggabungkan Pembelajaran Berasaskan Projek, aktiviti lakonan, dan bahan digital interaktif dalam konteks pendidikan prasekolah di Malaysia. Rumusan sorotan literatur dan hasil kajian menegaskan bahawa integrasi PBP, strategi lakonan, dan e-modul mampu meningkatkan penglibatan, motivasi, kefahaman lisan, dan keyakinan murid dalam kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Inggeris. Dengan justifikasi empirikal yang kukuh, e-Modul Projek Lakonan Bertema Haiwan berpotensi menjadi intervensi inovatif dan menyeluruh bagi memperkukuh pedagogi bahasa awal, selaras dengan aspirasi Kurikulum Prasekolah 2026 serta transformasi pendidikan digital di Malaysia.

Penghargaan

Saya bersyukur kepada Tuhan atas segala kurnia dan pertolonganNya yang membolehkan artikel ini disiapkan dengan jayanya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, bimbingan, dan dorongan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sepanjang proses penyelidikan ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pensyarah pembimbing saya Dr. Nor Mashitah bt Mohd Radzi atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan dalam menulis artikel ini. Tidak dilupakan juga kepada suami, keluarga dan rakan-rakan yang secara tidak langsung menyokong dalam penulisan ini. Sumbangan anda semua amat saya hargai dan semoga segala jasa baik dibalas dengan sebaik-baik ganjaran.

Rujukan

- Ahmad, A., & Osman, S. (2025). *Pedagogi guru prasekolah dalam pengajaran bahasa*. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak, 12(1), 45–60.
- Copland, F., Garton, S., & Burns, A. (2014). *Exploring the role of language teachers in early language education*. Language Teaching Research, 18(4), 456–473.
- Digital Project-Based Learning Review. (2025). *E-modules and interactive learning for young learners*. International Journal of Educational Technology, 20(2), 112–128.
- Hussin, A., & Mohd Basir, N. (2024). *Pembangunan modul digital interaktif dalam pendidikan prasekolah*. Jurnal Pendidikan Digital Malaysia, 5(1), 22–35.
- Krashen, S. D. (1985). *The input hypothesis: Issues and implications*. Longman.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2025). *Kurikulum Prasekolah Malaysia 2026: Dokumen asas dan garis panduan pedagogi*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Leyi Cao, L. (2024). *Integrating technology in project-based language learning: Impacts on young learners*. Asian Journal of Language Education, 8(3), 101–117.
- Mohd Nihazram, A., & Masnan, M. (2020). *Role-play and dramatization in early language acquisition*. Malaysian Journal of Early Childhood Education, 14(2), 78–91.
- Mohd. Saad, N., Hamid, A., & Solahudin, M. (2024). *Project-Based Learning in early childhood education: Enhancing collaboration and motivation*. Journal of Educational Innovation, 9(2), 55–70.
- Rochimah, S., Solihatin, I., & Rantie, N. (2025). *Project-based learning and technology integration in language education: A meta-analysis*. International Review of Education, 71(1), 33–55.
- Rzayeva, G. (2025). *Drama education and oral language development in young learners*. Early Childhood Research Quarterly, 60, 102–114.
- Swain, M. (2005). *The output hypothesis: Theory and research*. In E. Hinkel (Ed.), *Handbook of research in second language teaching and learning* (pp. 471–483). Routledge.
- Torr, J. (2024). *Language development in early childhood education: Foundations and practices*. Cambridge University Press.
- Zulianingrum, I. (2025). *Role-play strategies for enhancing oral proficiency in young learners*. Indonesian Journal of Language Education, 3(1), 15–29.